



PERSAINGAN POLITIK DAN PILIHAN RAYA

Dinamika Pola Pengundian Siri Pilihan Raya Kecil Pasca 9 Mei 2018

9595
ER

nting
D AZMIR MOHD NIZAH



lib.

PERSAINGAN POLITIK DAN PILIHAN RAYA

Dinamika Pola Pengundian Siri Pilihan Raya Kecil
Pasca 9 Mei 2018

Penyunting
MOHD AZMIR MOHD NIZAH



PERSAINGAN POLITIK DAN PILIHAN RAYA

Dinamika Pola Pengundian Siri Pilihan Raya Kecil
Pasca 9 Mei 2018

Penyunting
MOHD AZMIR MOHD NIZAH

PUSTAKA PERDANA



1013248

ILHAMBOOKS
Kuala Lumpur
2022



**PERSAINGAN POLITIK DAN PILIHAN RAYA:
DINAMIKA POLA PENGUNDIAN SIRI PILIHAN RAYA KECIL PASCA 9 MEI 2018**

Hak Cipta Terpelihara @ Mohd Azmir Mohd Nizah, 2022
Hak Cipta Penerbitan @ ILHAM BOOKS, 2022

Cetakan Pertama, 2022

ILHAM BOOKS (002683798-H)
No. 94(G), Jalan Nilai Square 3
Nilai Square, 71800 Nilai
Negeri Sembilan, MALAYSIA

Facebook: www.facebook.com/ilhambooks
Email: admin@ilhambooks.com
Website: www.ilhambooks.com
Hotline/WhatsApp: +6011-1060 1403

Hak Cipta Terpelihara. Setiap bahagian daripada terbitan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dipindahkan kepada bentuk lain, sama ada dengan cara elektronik, mekanik, gambar, rakaman dan sebagainya tanpa izin pemilik hakcipta terlebih dahulu.

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan
Persaingan Politik dan Pilihan Raya: Dinamika Pola Pengundian Siri Pilihan
Raya Kecil Pasca 9 Mei 2018 / Penyunting Mohd Azmir Mohd Nizah.
ISBN 978-967-2007-49-4
1. Elections--Malaysia.
2. Political culture--Malaysia.
3. Malaysia--Politics and government.
I. Mohd Azmir Mohd Nizah.
324.9595

Ketua Editor: Muhammad Din
Editor: Syahmi
Prof: Bukhari & Salsyahirah
Atur huruf: Bukhari
Reka kulit: Bukhari
Jualan & Pemasaran: Hilmie & Anis

Dicetak oleh:
MIHAS Grafik Sdn Bhd
No. 9, Jalan SR 4/19, Taman Serdang Raya
43300 Seri Kembangan, Selangor Darul Ehsan

ISI KANDUNGAN

PRAKATA		vii
PENDAHULUAN		ix
Bab 1	Kelakuan Mengundi, PRU14 dan Pilihan Raya Kecil Pasca PRU14 <i>Mohd Azmir Mohd Nizah</i>	15
Bab 2	Pertembungan Politik Melayu dalam Pilihan Raya Kecil DUN Sungai Kandis <i>Mohammad Tawfik Yaakub & Ariff Aizuddin Azlan</i>	23
Bab 3	Momentum “Tsunami Rakyat” dalam Pilihan Raya Kecil Balakong <i>Mohammad Tawfik Yaakub & Raja Kamariah Raja Abdul Rahman</i>	29
Bab 4	Pilihan Raya Kecil DUN Seri Setia <i>Razali Harun, Muhammad Shamshinor Abdul Azzis, Mohd Azri Ibrahim, Marzudi Yunos & Muhammad Rahimi Ramli</i>	37
Bab 5	Kembalinya Ikon Reformasi Malaysia di Port Dickson <i>Muhammad Ariff Asyurul Bin Adnan</i>	47
Bab 6	Ketidapatuhan Sivil dan Penyatuan Ummah: Satu Analisa Pilihan Raya Kecil Cameron Highlands <i>Afi Roshezry Bin Abu Bakar & Mohd Azmir Mohd Nizah</i>	61
Bab 7	Pilihan Raya Kecil DUN Semenyih <i>Nor Zuwairi Zakwa</i>	71
Bab 8	Rantau: Misi Mencari Calon Terbaik <i>Amirul Aliif Nasaruddin</i>	87
Bab 9	Sandakan: Membantut Momentum Kemenangan BN, Penerus Legasi Seorang Bapa <i>Mohd Azri Ibrahim & Muhammad Shamshinor Abdul Azzis</i>	99

Bab 10	Kerjasama Politik Baru Pencetus Kejayaan Pembangkang dalam Pilihan Raya Kecil Parlimen Tanjung Piai <i>Mohammad Tawfik Yaakub & Rashid Ating</i>	109
Bab 11	'Kemelut di Muara Kasih' - Pilihan Raya Kecil Parlimen Kimanis dan Parlimen Batu Sapi <i>Mohd Azri Ibrahim & Muhammad Shamshinor Abdul Azzis</i>	117
Bab 12	Pilihan Raya Kecil Chini: Dominasi Muafakat Nasional dan Pengukuhan Legitimasi Barisan Nasional di Pahang <i>Muhammad Ariff Asyrul Adnan</i>	129
Bab 13	Pilihan Raya Kecil DUN Slim: Ayunan Pengundi Bukan Melayu <i>Afi Roshezry Abu Bakar & Mohd Azmir Mohd Nizah</i>	143
Bab 14	Pengukuhan Semula Sistem Dua Parti Gabungan <i>Muhamad Nadzri Mohamed Noor</i>	149
PENUTUP		167
BIBLIOGRAFI		169
SENARAI PENULIS		183
INDEKS		187

PRAKATA

Mei 2018 telah mencipta sejarah tersendiri dalam arena politik Malaysia. Walau bagaimanapun, pasca Pilihan Raya Umum (PRU) ke-14 terus memberi pelbagai kejutan dan cabaran yang besar buat Malaysia. Terdapat 12 Pilihan Raya Kecil (PRK) yang telah dijalankan atas pelbagai sebab yang tidak dapat dikawal mahupun atas maksud politik yang membolehkan Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR)ewartakan keperluan mengadakan pilihan raya iaitu sehingga 29 Ogos 2020. Terdapat beberapa kawasan parlimen mahupun Dewan Undangan Negeri (DUN) yang ditangguhkan pilihan raya kecilnya seperti Parlimen Batu Sapi, DUN Melor, Parlimen Gerik dan DUN Bugaya akibat proklamasi darurat dalam mengurus dan mengekang dampak Covid-19 yang melanda seluruh dunia pada awal 2020.

Oleh kerana atmosfera politik yang sangat menarik ini, ia memberi ruang kepada pengkaji, penganalisa politik, parti politik dan rakyat Malaysia secara keseluruhannya memerhati dan membuat amatan yang sangat baik terhadap perubahan yang berlaku dalam kelakuan pengundi dan memahami apakah faktor-faktor yang memainkan peranan dalam perubahan tersebut. Di samping itu juga, kekurangan naskhah khusus berkaitan pilihan raya kecil juga menjadi motivasi para penulis untuk membukukan analisa masing-masing.

Oleh yang demikian, beberapa orang ahli akademik muda sains politik dari Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Malaya (UM), Universiti Teknologi Mara (UiTM), Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR) serta beberapa orang penganalisis politik bebas mengambil inisiatif dan bersetuju untuk menganalisa semua pilihan raya kecil pasca PRU14 yang diadakan sehingga Ogos 2020. Dalam naskhah ini juga, penulis telah bersetuju untuk tidak membincangkan Pilihan Raya Negeri (PRN) Sabah pada September 2020 yang menjadi manifestasi hubungan politik Pusat-Negeri di Malaysia, yang pada hemat penulis sangat menarik untuk dibincangkan juga. Namun

begitu, semua faktor yang dikenal pasti dalam 12 PRK pada 2018-2020 berterusan menjadi ukuran dan perbincangan, malahan menatijahkan pergolakan parti politik, yang akhirnya membawa sebuah naratif politik tanpa majoriti dalam kalangan parti, yang memaksa parti politik membuat penajajaran-penjajaraan yang sangat menarik untuk diteliti dan dibincangkan.

Bagi mencapai maksud penulisan dan bersifat bacaan umum, penulisan adalah menggunakan laras bahasa yang mudah difahami dan dikurangkan istilah khusus dalam disiplin atau bidang ilmu sains politik. Ini bagi membolehkan peminat, pengamal dan pelajar sains politik mendalami situasi politik Malaysia dengan lebih lunak, lantas meningkatkan proses pendemokrasian di Malaysia, bukan sahaja dalam kalangan elit, malahan juga di peringkat massa dan akar umbi. Ini sangat penting dalam usaha membina sebuah masyarakat sivil yang cakna tentang perjalanan politik Malaysia.

Perbincangan memperlihatkan dinamika pengundian di Malaysia pasca PRU14 serta memahami input-input dan faktor yang menjadi ukuran para pengundi. Adalah menjadi harapan editor dan semua penulis agar buku ini dapat menjadi bahan rujukan ahli akademik, pelajar, parti politik, ahli politik, penganalisis politik mahupun pengkaji yang berminat dalam bidang sains politik, demokrasi dan kelakuan pengundi di Malaysia secara khususnya. Diharap juga dengan hasil penulisan ini ia boleh menjadikan proses demokrasi Malaysia lebih utuh, stabil dan matang. Semoga niat dan usaha murni ini diberkati dan dipermudahkan. Amin.

MOHD AZMIR MOHD NIZAH

PENDAHULUAN

Sistem demokrasi yang diamalkan oleh Malaysia sebenarnya sangat baik. Ini kerana ia dibentuk dengan mengambil kira citra masyarakat Malaysia yang pelbagai etnik dan agama. Sistem demokrasi yang berdasarkan Raja Berperlembagaan dan berparlimen ini memberi ruang yang besar terhadap penglibatan warganegara dalam membina negara. Walaupun secara praktisnya, kelihatan politik legasi dan politik elit lebih banyak mempengaruhi suasana dan kondisi politik di Malaysia, tanpa mengira etnik dan kumpulan parti politik, namun, secara asasnya proses politik itu mendasari rakyat. Jika suatu ketika dahulu, proses politik lebih berbentuk proses atas bawah, atau neo-feudal, tetapi pasca 1999 memperlihatkan keremajaan proses politik itu wujud. Maka terpancarlah pelbagai sudut pandang dan praktik politik warganegara.

Warganegara Malaysia terlibat sama dalam membina negara bangsa dengan wujudnya sistem pilihan raya. Malaysia tidak pernah gagal dalam memberi ruang dan pilihan kepada rakyatnya untuk memilih pemimpin sejak wujudnya Persekutuan Tanah Melayu dan Persekutuan Malaysia. Melalui cara pilihan raya ini jugalah warganegara diberikan hak untuk memilih. Berdasarkan peruntukan Perlembagaan Persekutuan Malaysia, Pilihan Raya Umum (PRU) mesti diadakan setiap lima tahun sekali, kecuali berlakunya keadaan yang luar biasa, maka Pilihan Raya Kecil (PRK) mesti diadakan. Jika wujud juga keadaan yang luar biasa, maka PRK itu juga boleh ditangguhkan, dan ini terbukti dengan perkembangan pasca Covid-19 yang berlaku.

PRK ini pula menjadi medan terbaik bagi setiap parti yang bertanding bagi mengekalkan momentum perjuangan parti agar diterima rakyat dan kekal relevan. Dalam PRK ini juga, ia memperlihatkan kesungguhan parti yang bertanding sama ada bertujuan menambah bilangan wakil ke Dewan Undangan Negeri (DUN) mahupun di Parlimen. Ini sangat signifikan kerana tumpuan rakyat pastinya terfokus terhadap keputusan yang diperoleh, dengan pelbagai isu yang dimainkan. Walaupun kebiasaannya isu PRK adalah isu lokal dan setempat, tetapi tidak dapat ditolak akan



kebarangkalian isu nasional menjadi elemen sokongan dalam mendapatkan undi rakyat. Naratif ini akan dianalisa dalam semua PRK yang dijalankan sepanjang 2018 hingga 2020.

Oleh yang demikian, PRK sebenarnya sangat menarik untuk dikaji. Walaupun peluang membentuk kerajaan adalah hanya tertakluk kepada keputusan PRU, tetapi dalam konteks sains politik, PRK sebenarnya memberi data yang lebih luas untuk dibincangkan. Namun begitu, analisa tentang PRK amat kurang berbanding analisa PRU yang dibukukan. Oleh kerana selepas PRU14 pada tahun 2018, terdapat 12 PRK yang telah dijalankan (tidak termasuk empat PRK lain pasca proklamasi darurat), maka ia memberi ruang dan peluang pada pengkaji untuk menilai dan menganalisa serta mendokumenkan isu-isu, faktor dan juga persepsi semasa rakyat bagi membolehkan pengundi memberi undi sewaktu PRK.

Perbincangan oleh Mohd Azmir Mohd Nizah dimulakan dengan pengenalan terhadap pendekatan yang wujud dalam bidang sains politik, iaitu pendekatan falsafah, struktural dan kelakuan. Dalam konteks kelakuan, tiga teori utama, iaitu sosiologikal, psikososial dan pilihan rasional dibincangkan dengan ringkas. Azmir berpendapat, dengan memahami ketiga-tiga teori ini dapat membantu memahami perspektif dalam pengundian dan menilai isu dan faktor yang wujud dalam setiap pilihan raya kecil yang telah dijalankan. Pemahaman berkaitan perkara ini adalah sangat penting bagi pengundi memahami perkembangan pengundian, sebagaimana yang telah dialami oleh negara-negara yang lebih matang politiknya.

Dalam bab kedua, Muhammad Tawfik dan Arif Aizuddin menganalisa PRK yang pertama selepas PRU14, iaitu PRK Sungai Kandis. Tawfik dan Arif percaya gelombang PRU14 masih kuat dengan undi komuniti Cina sebagai penyumbang utama, manakala kegagalan mensintesis pasca PRU14 oleh Barisan Nasional (BN) sebagai faktor utama kekalahan mereka di Sungai Kandis. Kerangka populis politik identiti yang dibawa dalam PRK ini dilihat bukan sahaja tidak popular tetapi menjadi duri dalam daging bagi BN-Parti Islam Se-Malaysia (PAS) mendapatkan sokongan kembali daripada pengundi Sungai Kandis. Ini sangat menarik untuk difahami, kerana situasi pasca PRU14 masih segar dengan tumbangnyanya rejim BN yang telah memerintah selama 61 tahun.

Dalam bab ketiga, Muhammad Tawfik dan Raja Kamariah memfokuskan analisa terhadap PRK Balakong pula. Dengan tema momentum “Tsunami Rakyat”, Tawfik dan Raja Kamariah berpendapat undi komuniti Cina masih lagi menjadi faktor utama, sebagaimana yang dijelmakan pada PRK

Sungai Kandis. Selain itu, kegagalan mencakna isu domestik Balakong oleh parti lawan telah menyebabkan BN gagal menawan Balakong walaupun melibatkan pertembungan dua penjuror iaitu antara Democratic Action Party (DAP) dan Malaysian Chinese Association (MCA). Faktor pengurangan hampir 50 peratus jumlah pengundi yang membuang undi juga merupakan antara perkara yang menarik yang dibincangkan. Faktor-faktor ini menyebabkan BN terus gagal mencari formula terbaik mendapatkan keyakinan rakyat pasca PRU14.

Dalam bab keempat, Razali, Shamshinor, Azri, Marzudi dan Rahimi telah mengenal pasti tiga faktor penting yang wujud dalam PRK Seri Setia. Faktor tersebut ialah calon, isu tempatan dan isu politik nasional memainkan peranan yang signifikan dalam PRK ini. Tahap pendidikan, pengalaman politik, kemiskinan bandar dan koalisi tidak rasmi parti politik menyumbang kepada pertembungan yang sengit antara parti bertanding. Ini menarik untuk dibincangkan kerana analisis penulis bukan sahaja terhad kepada tiga faktor yang dikenal pasti, malahan juga penulis melihat dalam konteks tadbir urus proses pilihan raya yang lebih baik. Penulis telah membawa satu ruang lain dalam perbincangan yang melangkaui politik kepartian sahaja.

Manakala dalam bab kelima pula, Muhammad Ariff Asyrul menganalisa kembalinya ikon reformasi melalui PRK Port Dickson. Hasil analisa penulis, PRK ini menarik kerana punca PRK adalah disebabkan peletakan jawatan penyandang yang amat jarang berlaku, juga memperlihatkan Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO)-BN memboikot PRK ini. Namun ia berlangsung dengan saingan tujuh penjuror yang merupakan sesuatu yang luar biasa dalam konteks Semenanjung Malaysia. Ariff membuat kesimpulan bahawa PRK Port Dickson merupakan jalan sebagai bakal Perdana Menteri bagi Anwar Ibrahim dan ia merupakan sesuatu yang menarik dalam wacana pilihan raya Malaysia.

Dalam PRK yang seterusnya, Afi Roshezry dan Mohd Azmir melihat dua sentimen besar yang dimainkan semasa PRK Cameron Highlands. Dalam bab keenam ini, trend pengundian yang terarah kepada UMNO dan PAS menjadi subjek analisa penulis, dengan isu ketidakpatuhan sivil yang terus menjadi taruhan Pakatan Harapan (PH) dalam mendapatkan undi, di samping sikap pragmatik pengundi Cina. Sentimen yang kedua ialah “Penyatuan Ummah” yang dicanang oleh UMNO dan PAS yang dijana daripada beberapa isu populis etnik dan agama. Ada beberapa dapatan yang sangat menarik dibincangkan oleh penulis dalam bab ini.

Kemudian pada bab ketujuh pula, bertemakan gelombang referendum rakyat, PRK Semenyih menjadi batu penanda kerjasama BN-PAS serta penilaian prestasi PH terhadap isu-isu nasional. Nor Zuwairi juga telah menganalisa perbezaan isu di kawasan tradisi atau kampung dan kawasan baharu atau taman perumahan yang sebenarnya sangat menarik untuk diperhalusi. Berbekalkan inisiatif sendiri, Zuwairi membuat kesimpulan bahawa momentum Cameron Highlands telah menyebabkan berlakunya undi ayunan dalam kalangan Melayu Islam dan ketekalan pengundi bukan Melayu. Ini sangat menarik kerana sentimen populisme dan sentimen ketidakpatuhan sivil terus menjadi taruhan parti yang bertanding.

Dalam bab kelapan di PRK Rantau, Muhammad Aliff Amirul menghidangkan naratif yang menarik dalam analisisnya. Dengan faktor susuk tubuh dan kepimpinan Tok Mat yang rapat dengan penduduk, serta dinilai pendapat umum sebagai seorang yang berkredibiliti menjadi faktor utama kemenangan beliau sendiri. Isu masyarakat setempat yang dilayan sebagai objek dan bukan sebagai subjek dalam PRK merupakan faktor yang menyumbang kekalahan PH di Rantau serta tingkah laku politik PH yang tidak jelas yang dianggap Amirul sebagai “politik tanggung” menjadi faktor analisa beliau. Jelas, strategi BN-PAS terus menghasilkan kemenangan, dan PH terus menerus mencari rentak dan formula yang terbaik bagi mengembalikan keyakinan rakyat.

Manakala dalam bab kesembilan, Mohd Azri dan Muhammad Shamshinor telah membuat analisa PRK di Sandakan, yang merupakan antara tiga PRK bagi Parlimen, dan merupakan PRK pertama di Borneo pasca PRU14. Merupakan antara kubu terkuat DAP, Sandakan memperlihatkan penerusan legasi seorang anak daripada bapanya, serta permuafakatan PH dalam berkempen walaupun menyedari Sandakan kubu kuat DAP. Kecelaruan BN dan sekutu di Sabah merupakan faktor kekalahan, serta kurangnya tindakan strategik dalam pertandingan lima penjuror ini membantutkan kemenangan BN-PAS sebelum ini.

Dalam bab kesepuluh, Muhammad Tawfik dan Rashid melihat kerjasama baharu parti politik pembangkang di PRK Tanjung Piai menjadi resepi terbaik dalam terus mengukir momentum pasca PRU14. Kekalahan PH sebagai kerajaan adalah akibat kegagalan mengurus isu-isu nasional serta gagal memberi respons yang sebaiknya terhadap isu penduduk setempat. Akhirnya ia membawa satu lagi momentum penajajaran politik populisme.

Kemudian dalam bab kesebelas pula, Azri dan Shamshinor melihat dua isu besar yang menjadi taruhan di Kimanis iaitu persoalan Pas Sementara Sabah (PSS) dan pembangunan yang menjadi intipati pilihan raya kecil. Ia

sangat menarik kerana Parti Warisan Sabah (WARISAN) sebagai sebuah komponen PH terpaksa berhempas pulas menangkis isu PSS yang diadun menjadi isu keselamatan oleh UMNO-BN walaupun cadangan tersebut terpaksa digugurkan. Azri dan Shamshinor juga mengambil kesempatan membuat penilaian awal terhadap PRK Batu Sapi yang akhirnya ditangguhkan kerana proklamasi darurat. Faktor setempat dan identifikasi parti merupakan dua faktor besar di Kimanis dan mampu mempengaruhi tempat lain.

Pada bab kedua belas, Muhammad Ariff Asyrul pula membuat analisa di Chini dengan naratif dominasi populisme etnik dan agama. Terdapat beberapa faktor yang menarik tentang perjalanan PRK dalam norma baharu akibat Perintah Kawalan Pergerakan. Dalam konteks politik, ketiadaan wakil PH dalam PRK sedikit sebanyak memungkinkan suasana tenang sepanjang pilihan raya. Faktor Melayu-Islam, anak jati dan pengukuhan Perikatan Nasional (PN)-Muafakat Nasional (MN) menjadi antara faktor calon UMNO-BN meraih kemenangan yang agak selesa.

Bab ketiga belas, Afi Roshezry dan Mohd Azmir membuat analisa yang menarik tentang PRK Slim. Dengan menggelarkan ayunan (*swing*), Afi dan Azmir menghujahkan bahawa secara statistik wujud perubahan angin pengundi Cina terhadap PN-MN. Ini kerana jumlah majoriti yang besar serta melampaui keputusan terdahulu menunjukkan wujudnya perubahan undi Cina. Namun begitu, terdapat juga beberapa faktor lain yang dianalisa oleh mereka, antaranya ialah persoalan calon, anak tempatan dan juga pengalaman politik.

Dalam bab terakhir, Muhamad Nadzri membawa naratif pengukuhan sistem dua parti gabungan sebagai jalan tepat dalam mencorak politik Malaysia. Nadzri melihat terdapat beberapa perkara yang perlu diberi perhatian hasil daripada sembilan PRK yang dijalankan pasca PRU14 dan 2019. Pertama, peri penting memahami corak pengundian yang didasarkan kepada pluralisme dan regionalisme. Kedua, dinamika pilihan raya itu sendiri yang sangat rencam dengan menghadirkan pelbagai faktor penarik dan penolak. Dan ketiga, sebagai refleksi bagi parti politik, ahli politik, ahli akademik serta individu yang minat terhadap proses politik Malaysia. Nadzri.

Hampir kesemua analisa PRK ini berteraskan isu politik identiti, sintesis PRU14, kelakuan pengundi Cina, dasar populis, kredibiliti dan ketokohan calon, perancangan strategik dan respons tempatan serta politik permuafakatan. Kesemua faktor ini dikenal pasti wujud dalam semua PRK yang berlangsung sejak 4 Ogos 2018 sehingga 29 Ogos 2020. Perkembangan

ini bukanlah sesuatu yang ganjil, tetapi tahap respons pengundi dan tahap kekerapan isu yang diguna ini boleh menjadi indikator dalam persediaan merebut undi pada PRU15 yang akan datang. Semua perkara ini perlu diberi perhatian. Dalam konteks pengundi pula, semua faktor ini boleh mematangkan pengundi agar dapat membuat pilihan yang rasional dalam pilihan raya.

Secara keseluruhannya, usaha pembukuan analisa ini diharap menjadi rujukan agar proses pendemokrasian dalam konteks pilihan raya lebih difahami. Ini adalah sangat penting agar politik itu bukan sekadar parti BN, PAS, PH dan sebagainya. Ia adalah proses dan yang utama, ia mesti memihak kepada rakyat. Tahun 2020 menyaksikan keunikan penjajaran politik yang tidak stabil dan mengancam kestabilan sebuah negara. Soal keabsahan kepimpinan mengambil tempat berbanding soal kelangsungan parti. Perkembangan ini sangat menarik, dan ia mencetuskan keprihatinan masyarakat terbanyak terhadap golongan elit politik. Ini sesuatu yang perlu difikirkan.

MOHD AZMIR MOHD NIZAH

Bab 1

KELAKUAN MENGUNDI, PRU14 DAN PILIHAN RAYA KECIL PASCA PRU14

Mohd Azmir Mohd Nizah

Pengenalan

Dalam memahami seni politik, terdapat tiga pendekatan utama yang sering menjadi sandaran sarjana-sarjana sains politik dan sains sosial. Frasa falsafah politik klasik atau tradisional sering kali merujuk kepada perkara politik yang seharusnya berlaku yang didasarkan kepada fakta dan nilai berbanding perkara politik yang berlaku atau mudahnya realisme. Kehidupan politik mestilah berkisar dalam konteks pilihan-pilihan moral yang berbentuk deskriptif dan preskriptif, iaitu memberi gambaran dan penjelasan terhadap aktiviti-aktiviti politik yang ideal. Pendekatan ini penting dalam membentuk idealisme-idealisme perjuangan yang menjadi panduan dalam proses politik.

Kedua, pendekatan struktural iaitu badan-badan formal seperti perundangan, eksekutif dan kehakiman mempunyai fungsi dan matlamat, dan berkongsi matlamat besar yang sebenar iaitu terdiri dengan teguhnya sebuah sistem negara berdemokrasi dengan panduan etika yang benar. Pengawasan berbentuk legal menjadi alat dalam merealisasikan matlamat sebenar tersebut, dan keteraturan inilah menjadi panduan daripada berlakunya kekacauan, ketidakstabilan dan pemusatan kuasa. Di samping itu, terdapat juga pendekatan struktural-fungsional yang menekankan kepada institusi-institusi yang wujud dengan fungsi-fungsi yang hampir sama, walaupun di dalam sistem politik yang berbeza (sebagai contoh parti politik, kumpulan berkepentingan, kehakiman, birokrasi dan sebagainya).

Ketiga ialah pendekatan kelakuan. Kelakuan boleh diramalkan dengan wujudnya penjelasan-penjelasan yang didasarkan kepada teori. Bagi sarjana kelakuan (*behaviour*) penjelasan terhadap sesuatu fenomena politik adalah lebih bermakna berbanding dengan deskripsi semata-mata. Generalisasi ini lebih bersifat kemungkinan (*probabilistic*) yang berbentuk separa (*partial*)

dan tidak mutlak. Oleh yang demikian, pengetahuan teori amat penting kerana teori yang difahami dapat menjelaskan fenomena yang berlaku. Ibarat seponon pokok, bunga-bunga yang mekar dapat menjelaskan kekuatan akar dan sumber galian yang wujud; ia juga dapat menjelaskan mengapa bunga-bunga yang mekar berbeza antara satu dengan yang lain.

Partisipasi Politik

Dalam pendekatan kelakuan, mengundi merupakan elemen yang penting di dalam partisipasi politik. Partisipasi politik pula merupakan antara ukuran utama di dalam sistem demokrasi seperti yang dijelaskan oleh Verba, Scholzman & Brady (1995) di dalam karya mereka, *Civic Voluntarism in American Politics*. Maka dengan mudah dapatlah difahami bahawa, membuang undi atau memberi undi atau partisipasi pengundian merupakan mekanisme utama yang bersifat konsensus dalam memperkukuh sistem demokrasi (Lipset, 1960, hlm. 30), yang mana ia selaras dengan prinsip dan pegangan Malaysia sebagai sebuah negara yang meraikan kepelbagaian. Malahan partisipasi pengundian juga merupakan salah satu daripada tiga indikator dalam pengukuran pelaksanaan demokrasi, di samping tahap kompetitif pilihan raya dan kewujudan institusi-institusi yang menyokong sistem demokrasi (Blais, 2006; Jackman, 1987; Powell, 1986). Matlamat akhir atau hasil daripada sistem demokrasi ini ialah wujudnya masyarakat sivil, yang juga sebahagian daripada ukuran demokrasi itu sendiri.

Banyak kajian telah dibuat oleh para sarjana sains politik tempatan dalam memahami kelakuan pengundian, pengaruh pengundi, corak dan trend serta model-model yang berkaitan dengan pengundian. Dengan perkembangan teknologi dan media baru, keterlibatan dan kesedaran rakyat Malaysia di dalam partisipasi politik semakin bertambah. Dari satu sudut, ia memberi indikasi positif bahawa amalan demokrasi di Malaysia adalah subur. Tetapi, kesedaran dan keterlibatan ini harus dilengkapi dengan ilmu mengenai demokrasi, pilihan raya dan partisipasi politik.

Demokrasi yang berasaskan frasa Greek, *Demokratia* yang membawa erti secara harfiah ialah kekuasaan rakyat. Ini membawa maksud rakyat bagi sesebuah negara, dan memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan dapat berpartisipasi di dalam aktiviti-aktiviti pembangunan, penggubalan dan pemerintahan negaranya. Almarhum Dr. Muhammad Uthman el-Muhammady pernah menyatakan bahawa unsur-unsur amalan demokrasi dengan beberapa penyesuaian, adalah sesuai dengan Islam sebagaimana yang ada dalam Ahli Sunnah Wal Jamaah, iaitu aliran arus perdana Islam dalam menjayakan hidup kolektif di Malaysia. Begitu juga dengan pandangan Sheikh Yusuf Qardhawi, yang diasaskan kepada Hadith Sahih Muslim No.

3447 yang menjelaskan, bukan sahaja dalam solat harus memilih imam yang terbaik, apatah lagi dalam urusan seharian.

Pilihan Raya Gaya Malaysia

Malaysia sememangnya tidak pernah gagal dalam melaksanakan proses pilihan raya sejak mencapai kemerdekaan. Ini merupakan satu pencapaian yang sangat cemerlang, sebagai sebuah negara membangun serta berpegang teguh kepada prinsip serta amalan demokrasi. Namun begitu, partisipasi politik dan proses pilihan raya ini sering kali bertukar menjadi agenda etnik dan etnisiti, yang sering kali mengganggu-gugat kerancakan dan kestabilan dalam berpolitik. Oleh yang demikian, pendedahan dan informasi yang berguna berkaitan kelakuan mengundi di Malaysia ini amat penting untuk difahami, agar pilihan raya dapat dilihat sebagai proses demokrasi masyarakat sivil dalam memilih perwakilan dalam tadbir urus Malaysia untuk terus maju.

Apa yang berlaku, pilihan raya hanya dilihat sebagai medan penentu, sedangkan pilihan raya itu hanyalah proses. Memetik kata-kata Sun Tzu, “Pejuang yang hebat ialah mereka yang menang sebelum berperang” seharusnya menjadi refleksi kepada parti, calon dan juga masyarakat terhadap proses pilihan raya. Tetapi, sering kali yang berlaku ialah calon-calon yang bertanding akan mula mendekati pengundi apabila menjelang pilihan raya. Natiujahnya, agenda pembangunan, pemodenan dan kelestarian hanya berbentuk musim. Seperti musim durian yang mana pada waktu tertentu sahaja durian menjadi perbualan hangat dengan perbincangan durian manakah yang lebih sedap dan mahal. Begitu jugalah hakikat pilihan raya di Malaysia, terutamanya pilihan raya umum yang berlangsung maksimum lima tahun sekali seperti yang termaktub di dalam Bahagian 8, Perkara 113(1) dan Perkara 55(3) Perlembagaan Persekutuan. Hubungan ini dilihat sebagai hubungan yang pasif, iaitu pengundi hanyalah sebagai objek seperti deretan pilihan makanan ringan di pasar raya.

Sedangkan, yang sebetulnya ialah pengundi ini dilihat sebagai subjek, iaitu pelanggan dan calon pula sebagai pekerja yang menyusun item-item (agenda-agenda) untuk dijual di pasar raya. Pasar raya (Parti) yang menyusun dan memberi perkhidmatan yang terbaik akan untung, manakala yang tidak memberi perkhidmatan yang baik, dan lama-kelamaan akan tutup perniagaannya kerana rugi. Maka pekerja menjadi agen pembaharuan terhadap pasar raya dan juga kepada masyarakat. Hakikatnya, setelah selesai pilihan raya dan pemenang telah pun dimasyhurkan, janji-janji kepada masyarakat hilang dan dilupakan.

Berdasarkan senario di atas, ilmu dan kefahaman serta kesedaran tentang kelakuan atau gelagat mengundi adalah amat penting. Disebabkan peringatannya hal ini, 60 tahun dahulu para sarjana sains sosial dan sains gelagat telah mula memfokuskan perbincangan, kajian dan pemerhatian terhadap kelakuan pengundi, terutama sekali di Amerika Syarikat. Hasil daripada aktiviti tersebut, maka lahirlah beberapa kerangka dan teori-teori yang cuba menjelaskan kepada masyarakat berkenaan gelagat pengundian.

Antara teori terawal yang cuba menjelaskan perilaku pengundi dan pengundian ialah model sosiologikal anjuran Lazarsfeld, Berelson & Gaudet (1944) berdasarkan kajian panel di Erie County dan kajian Berelson, Lazarsfeld, & McPhee (1954) yang menjawab persoalan berkaitan perubahan sikap politik dan faktor yang menyumbang kepada perubahan sikap politik tersebut. Model sosiologikal atau lebih popular dikenali sebagai Sekolah Columbia (*Columbia School*) banyak melihat kepada faktor-faktor demografi dan sosial ekonomi seperti taraf pendidikan, pendapatan, kelas, agama, etnisiti dan ruang. Ini adalah sejajar dengan fahaman mereka bahawa, kumpulan sosial membawa impak yang signifikan terhadap keputusan memberi undi oleh individu, tetapi ia memerlukan kajian yang lebih mendalam (Lazarsfeld & Henry, 1968). Nilai-nilai yang wujud dalam sesuatu kelompok amat mempengaruhi keputusan individu dalam kelompok tertentu (B. Berelson, 1952). Model sosiologikal ini juga dapat difahami melalui dua pendekatan, iaitu mikrososiologi yang dipelopori oleh Berelson, Lazarsfeld dan Gaudet dari Universiti Columbia hasil adaptasi daripada Teori Lingkaran Sosial oleh Georg Simmel (1905).

Manakala pendekatan yang kedua pula melalui penjelasan makrososial, yang dipelopori oleh Lipset & Rokkan (1967) yang didasarkan kepada keputusan hasil pemerhatian terhadap gelagat pilihan raya dalam semua lapisan masyarakat secara menyeluruh di Eropah Barat. Disebabkan oleh beberapa perubahan yang berlaku, sebagai contoh, proses pemodenan dan perubahan pengundian dalam kalangan pengundi memberi ruang kepada teori Psikososial atau teori Identifikasi Parti menyatakan bahawa terdapat faktor lain selain daripada kumpulan sosial dan demografi yang mempengaruhi keputusan membuang undi.

Teori Psikososial atau lebih dikenali sebagai Sekolah Michigan (*Michigan School*) berpendapat terdapat faktor lain yang menyebabkan para pengundi memilih untuk mengundi parti lain selain daripada kumpulan sosialnya sendiri. Hakikat ini memberi petunjuk bahawa para pengundi lebih bersikap aktif dan membuatkan pilihan raya lebih dinamik berbanding pandangan Sekolah Columbia. Bagi sarjana Sekolah Michigan, ada faktor situasi lain yang juga mempengaruhi keputusan membuang undi oleh pengundi. Faktor

situasi ini antaranya ialah calon-calon, melalui karakter mereka, atau isu-isu yang wujud dan dibawa menjadi agenda dalam kempen-kempen pilihan raya mempunyai peranan yang sangat penting dalam memberi indikasi penentuan keputusan dalam undian politik seseorang. Secara ringkasnya, sarjana Sekolah Michigan seperti Angus Campbell, Philip Converse, Warren Miller dan Donald Stokes di dalam *The American Voter* menjelaskan dengan terperinci peranan dan pengaruh identifikasi parti, orientasi calon dan juga orientasi isu atau tema (Campbell, Converse, Miller, & Stokes, 1960; Stokes, Campbell, & Miller, 1958). Namun begitu, disebabkan oleh beberapa kritikan yang dibuat terhadap model-model atau teori sosiologi tidak mengambil kira faktor luaran dalam menentukan kelakuan pengundi (Hansen & Jensen, 2007; Singh, Leong, Tan, & Wong, 1995) yang memberi ruang kepada model psikososial untuk memahami kelakuan pengundi. Model Michigan ini juga mempunyai beberapa limitasi antaranya ialah partisipasi dan mobilisasi pengundi berdasarkan pengenalan parti memberi impak besar kepada jumlah pengundi sewaktu pilihan raya, tetapi ia belum tentu mampu memberi indikasi sebenar terhadap keputusan pilihan raya itu sendiri. Selain itu, antara kritikan terhadap model ini ialah, sekiranya pengenalan parti itu menjadi indikator utama, maka proses dan aktiviti pengundian menjadi tepu dan tidak dinamik. Ini kerana Model Michigan hanya berfungsi sebagai 'penapis persepsi' terhadap parti yang disokong dan parti yang tidak disokong serta tidak memberi indikasi empirikal yang sistematik (Jackman, 1987).

Situasi dan telahan ini memberi ruang kepada teori pilihan rasional menghuraikan limitasi yang dihadapi oleh Model Columbia dan Model Michigan. Berasaskan model ekonomi yang berpusat kepada kos dan faedah, Teori Pilihan Rasional melihat pengundi sebagai individu yang tidak bodoh (Himmelweit, Humphreys, & Jaeger, 1985, hlm. 7). Dengan membuat penilaian terhadap kebaikan dan keburukan parti atau calon berdasarkan model pengguna (Himmelweit, et al., 1985); atau model spatial (Enelow & Hinich, 1990) yang melihat betapa rapatnya pengundi dengan isu-isu atau tema-tema pilihan raya. Begitu juga dengan model tujahan yang melihat kebersamaan pengundi dan calon atau parti dalam sesuatu isu atau polisi (Rabinowitz & Macdonald, 1989) maka Teori Pilihan Rasional dilihat dapat memberi penjelasan logik berkaitan perubahan pengundian pemilih.

Secara dasarnya, teori ini memperlihatkan bahawa seseorang individu pengundi itu sebenarnya strategik dan taktikal apabila membuang undi. Ini kerana apabila membuang undi, seseorang individu itu akan membuat perbandingan secara rasional berdasarkan kepentingan sendiri. Teori pilihan rasional juga memberi ruang kepada individu untuk membuat

analisa terhadap kelakuan pengundi, parti politik serta polisi kerajaan dalam membuat keputusan pihak mana yang perlu diundi, bukan berdasarkan faktor persekitaran dan setempat, malahan bukan juga disebabkan oleh faktor keluarga, orang sekeliling mahupun pengaruh rakan.

Dinamika pengundian di Malaysia telah banyak berubah sejak lewat tahun 1990-an, dengan memperlihatkan perubahan daripada pengundian berdasarkan etnik kepada corak pengundian berdasarkan pembangunan, Islamisasi serta urbanisasi, termasuklah faktor kemunculan media baharu yang telah banyak mempengaruhi proses mobilisasi pengundi (Gomez, 2014; Mohd Azmir Mohd Nizah, 2015). Situasi ini lantas menyaksikan Barisan Nasional (BN) berhadapan dengan tentangan sengit daripada parti pembangkang pada pilihan raya yang ke-12 dan ke-13. Banyak penjelasan yang telah dibuat oleh pengkaji sebagai contoh, (Lihat Brown, 2005; Wah, 2003; Weiss, 2013) dalam analisis mereka terhadap kondisi ini. Walaupun dianggap “Tsunami Cina” (Abdillah Noh, 2014) namun hakikatnya isu ekonomi melangkaui sempadan etnisiti (Weiss, 2013), begitu juga yang berpendapat sebagai “Tsunami Malaysia” yang merubah secara keseluruhan parti yang memerintah kepada parti pembangkang.

Kajian berkaitan kelakuan pengundi di Malaysia banyak berkisar mengenai ras dan etnisiti hasil tinggalan penjajah, dan ia semakin menarik perhatian sarjana yang melihat daripada pelbagai aspek termasuklah ekonomi, pembangunan dan nilai demokrasi (Mohd Azmir Mohd Nizah, Muhammad Shamshinor Abdul Azzis, & Mohd Azri Ibrahim, 2016). Tetapi, disebabkan keputusan pilihan raya ke-13 pada tahun 2013, landskap kajian mula menjurus ke arah isu yang lebih besar termasuklah pengaruh urbanisasi dan jarak bandar-luar bandar (Ng, Vaithilingam, & Pillay, 2015). Pengundi kawasan bandar adalah lebih terbuka dan lebih prihatin terhadap isu-isu yang lebih besar, sebagai contoh, peri penting nilai demokrasi, keberhutangan, pembangunan yang lestari, isu antarabangsa, malah isu-isu setempat yang memberi impak kepada kualiti hidup, seperti kesesakan lalu-lintas, harga barangan dan juga isu keselamatan (Mohd Azmir Mohd Nizah, et al., 2016; Weiss, 2014).

Dalam membuat keputusan dalam pilihan raya, pengundi bandar akan lebih rasional disebabkan oleh beberapa faktor antaranya status diri, tahap pendidikan, status ekonomi, status tempatan, termasuklah pendedahan terhadap ciri-ciri masyarakat sivil (Agomor & Adams, 2014; Arwine & Mayer, 2012; Widmalm & Oskarsson, 2013). Menurut Lindberg & Morrison (2008) ada dua perspektif dalam melihat isu-isu yang menjadi ukuran seseorang pengundi membuat undian secara rasional, iaitu melalui perspektif evaluasi dan perspektif bukan evaluasi.

Pola pengundian di Malaysia selama ini dihurai berdasarkan parti, etnik dan kelas (Maznah, 2008; Ratnam & Milne, 1970; Rudner, 1970; Vasil, 1971) mula mempamerkan trend berbeza dengan isu etnisiti semakin hilang signifikan dalam pengundian (Francis Loh Kok Wah, 2003) serta memberi halangan dalam pentadbiran kerajaan (Huber, 2012). Oleh yang demikian, kajian terhadap komuniti bandar adalah penting dalam kajian kelakuan mengundi kerana dianggarkan kawasan atau konstituensi bandar semakin bertambah (Brown, 2005), tetapi korelasi pengundi berdasarkan etnik juga semakin hilang signifikasinya (Pepinsky, 2015). Justeru, memahami gelagat pengundi bukan sahaja melalui etnik mereka tetapi amat penting juga memahami kehendak mereka dan bukan memahami kehendak parti politik semata-mata, terutama sekali bagi pengundi kawasan bandar.

Maka disebabkan faktor-faktor dan kondisi yang dibincangkan di atas, tanggal 9 Mei 2018, terciptalah sejarah Malaysia apabila BN telah kehilangan hampir semua negeri dan hanya mengekalkan kuasa pemerintahan di Pahang dan Perlis. Ia sekali gus mengakhiri pemerintahan Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO) dan BN selama 61 tahun semenjak merdekanya Tanah Melayu dan wujudnya Malaysia. Beberapa faktor boleh menjadi penyebab kepada perubahan besar ini, antaranya ialah proses pembandaran dan penghijrahan ke kawasan bandar dan kawasan baharu semi-bandar yang merubah bukan sahaja gaya hidup, malah juga cara berfikir seseorang individu. Soal hak asasi manusiawi seperti kebebasan bersuara, hak mendapatkan maklumat, serta hak menyatakan ketidaksetujuan menjadi antara isu dalam pengundi bandar. Andaian ini boleh dilihat daripada laporan kadar urbanisasi oleh Jabatan Statistik Malaysia 2017 pada kadar 71.7 peratus, dan juga laporan daripada Bank Dunia 2015 yang memberi taraf Malaysia sebagai sebuah negara yang paling bandar di Asia. Kegagalan memahami perubahan ini menjadi faktor penolak kepada perubahan rejim pemerintah daripada BN kepada Pakatan Harapan (PH). Natijahnya, BN hanya memenangi 79 kerusi parlimen dan kebanyakan kerusi tersebut ialah kerusi luar bandar sahaja.

Pasca PRU14

Walau bagaimanapun, pasca Pilihan Raya Umum (PRU) ke-14 terus memberi pelbagai kejutan dan cabaran yang besar buat Malaysia. Terdapat sembilan Pilihan Raya Kecil (PRK) yang dijalankan akibat daripada pelbagai sebab yang membolehkan Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR)ewartakan keperluan mengadakan pilihan raya (sehingga Disember 2019). Keadaan ini memberi ruang kepada pengkaji, penganalisa politik, parti politik dan rakyat Malaysia secara keseluruhannya memerhati

PERSAINGAN POLITIK DAN PILIHAN RAYA

Dinamika Pola Pengundian Siri Pilihan Raya Kecil Pasca 9 Mei 2018

Setelah keputusan bersejarah pada 9 Mei 2018 yang menyaksikan buat pertama kalinya Barisan Nasional gagal membentuk Kerajaan Persekutuan apabila tewas kepada Pakatan Harapan dalam Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU14), persaingan dan pergelutan politik terus-menerus berlaku termasuk dalam 12 siri Pilihan Raya Kecil (PRK) yang terpaksa diadakan atas pelbagai sebab dan faktor.

Namun begitu, semua faktor yang dikenal pasti dalam 12 siri PRK pada 2018-2020 berterusan menjadi ukuran dan perbincangan, malahan menatijahkan pergolakan parti politik, yang akhirnya membawa sebuah naratif politik tanpa majoriti dalam kalangan parti seterusnya memaksa parti politik membuat penajaran-penajaran yang sangat menarik untuk diteliti dan dibincangkan.

Oleh kerana atmosfera politik yang sangat menarik ini, ia memberi ruang kepada pengkaji, penganalisa politik, parti politik dan rakyat Malaysia secara keseluruhannya memerhati dan membuat amatan yang sangat baik terhadap perubahan yang berlaku dalam kelakuan pengundi dan memahami apakah faktor-faktor yang memainkan peranan dalam perubahan tersebut.

Buku *Persaingan Politik dan Pilihan Raya: Dinamika Pola Pengundian Siri Pilihan Raya Kecil Pasca 9 Mei 2018* ini akan mengupas faktor-faktor perubahan pada arena politik di Malaysia dan ia akan membantu pembaca untuk membuat penilaian dan memilih yang terbuat buat negara.

PROFESOR MADYA DR. MOHD AZMIR MOHD NIZAH ialah Ketua Program Pasca Siswazah Pusat Pengajian Siswazah dan juga Pensyarah Kanan di Pusat Pengajian Teras dan Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Berkelulusan B.HSc dan M.HSc dalam bidang Sains Politik dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan Ph.D Politik & Kerajaan dari Universiti Putra Malaysia (UPM). Beliau aktif dalam penyelidikan, penulisan dan perundingan dalam bidang hubungan etnik, politik, parti dan kelakuan pengundi.

ilhambooks

www.ilhambooks.com

